

Terowong SMART bukan punca banjir

Dewan Rakyat semalam diberitahu projek terowong SMART (SMART) tiada kaitan dengan masalah banjir di Kampung Baru dan Datuk Keramat.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri James Dawos Mamit, berkata SMART dibangunkan bagi mengurangkan masalah banjir di pusat Bandaraya Kuala Lumpur akibat daripada limpahan Sungai Klang, terutama di jambatan Tun Perak dan kawasan sekitarnya.

Katanya, masalah banjir di sekitar Kampung Baru disebabkan keupayaan pam di rumah pam kawasan berkenaan yang terhad serta masalah sampah yang sering terperangkap di saluran utama.

Beliau berkata, masalah banjir di Datuk Keramat pula berpunca daripada masalah saluran tempatan yang terletak di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Pemerhatian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati tiada berlaku masalah perangkap sampah melebihi had di sungai utama di Kuala Lumpur.

"Kajian 'Klang River Basin Environmental Improvement and Flood Mitigation Project' yang merangkumi keseluruhan Lembangan Sungai Klang disiapkan pada 2003.